

TEKS UCAPAN

**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**SEMPENA
MAJLIS SANTAPAN MALAM REGIMENTAL KE-6
PALAPES UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BERTEMPAT DI TH HOTEL & CONVENTION CENTRE,
ALOR STAR.
PADA 23 NOVEMBER 2013**

مراسلا مكياء هتاكربو الله اقمجرو

dan Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Sesungguhnya Segala Pujian Itu Milik Allah (S.W.T) Pemerintah Sarwa Jagat. Selawat Dan Salam Diucapkan Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad (S.A.W.), Para Sahabat Dan Anggota Keluarga Baginda.

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Brig. Jen. Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail; Canselor Universiti Malaysia Perlis, Dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah; Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung setinggi - tinggi kasih yang tidak terhingga, atas limpah perkenan duli yang teramat mulia tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir ke majlis santapan malam rejimental keenam PALAPES Universiti Malaysia Perlis pada hari ini dalam suasana untuk maraikan pegawai muda yang telah ditauliahkan.

**Raja Berdaulat Negeri Sejahtera
Pertahanan Kukuh Menjadi Senjata
UniMAP Terpimpin, Bangunkan Negara
Berkat Kerjasama Seia Sekata**

Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu
Tuanku.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun. Izini
Patik Menyampaikan Ucapan Kepada Barisan Tetamu
Yang Dimuliakan Dan Para Pegawai Muda Yang Diraikan.

Ampun Tuanku,

Salutation

Yang Berbahagia Mejar Jeneral Dato' Mazlan Kasap,
Panglima Mk Latihan dan Yang Berbahagia Datin,

Yang DiHormati SAC Dato' Zull Aznam Bin Haron, Ketua
Polis Perlis;

Yang Berbahagia Brig. Jen. Dato' Mahadi Bin Abdul,
Asisten Panglima Pasukan Simpanan;

Yang Berbahagia Brig. Jen. Hasagaya Bin Abdullah,
Panglima Briged Sempadan dan Isteri;

Yang Berusaha Mejar Prof. Madya Dr. Zaliman Bin Sauli,
Timbalan Komandan PALAPES UniMAP,

Yang Berusaha Lt. Kol. Hj Azdhar Bin Omar, Ketua
Jurulatih PALAPES UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Pegawai-Pegawai Staf dan pegawai tetap,

Pegawai-pegawai muda yang baru ditauliahkan,

Para jurulatih, Rakan-rakan media serta hadirin dan
hadirat sekalian.

Kata-Kata Aluan

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan tetamu tentera dan awam, kerana telah sudi melapangkan diri, meluangkan sedikit masa untuk hadir ke majlis ini bersama DYTm Tuanku Canselor dan DYTm Tuanku Pro Canselor UniMAP. Kehadiran Dato', Datin serta tuan, puan sekalian sudah pasti menguntum bahagia, menambah seri majlis kami di malam indah ini.

2. Makan malam regimental kita lalui ketika ini sarat dengan ritual yang bertujuan memperkukuh adat resam dan budaya ketenteraan. Biar hari silih berganti, biar masa berganti masa, namun bagi sesebuah universiti, hari ini jua yang kita nanti-nantikan. Inilah detiknya PALAPES UniMAP mempamerkan rasa gahnya tersendiri kerana dapat membantu melahirkan insan kamil, yang Insya-Allah, akan berguna kepada agama, diri, ibu bapa, keluarga, bangsa, negara dan dunia seluruhnya.

3. Pada malam ini kita sama-sama bertuah kerana kita dapat melaksanakan majlis makan malam ini yang diserikan lagi dengan keberangkatan DYTm Tuanku berdua bercemar duli untuk meraikan pelajar-pelajar UniMAP yang telah ditauliahkan sebagai pegawai muda dalam Kor Rejimen Askar Wataniah di Universiti Malaysia Perlis pada **7 Julai 2013** yang lalu.

4. Selain itu, majlis ini merupakan satu penghargaan khas daripada universiti di atas sumbangan dan keringat yang telah diberikan selama tiga tahun berada di UniMAP sebagai pegawai kadet. Sesungguhnya pegawai muda yang dilahirkan di UniMAP ini merupakan pegawai muda **keenam** dan mereka inilah yang akan mencorak dan mengukir nama UniMAP ke REJ Siri 500 Askar Wataniah apabila tamat pengajian di UniMAP nanti.

5. Dalam Istiadat Pentaulihan DiRaja Kadet PALAPES IPTA yang telah didakan di Universiti Malaysia Sabah yang lalu, saya bersyukur kehadiran Allah (S.W.T) dan amat berbangga apabila seramai **53** orang pegawai muda terdiri daripada **42 orang** pelajar ijazah sarjana muda dan **11 orang** pelajar diploma mampu untuk menamatkan latihan dan seterusnya ditauliahkan dalam Rejimen Askar Wataniah.

Data kebolehpasaran Pegawai Muda PALAPES

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pegawai muda yang telah ditauliahkan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama bergelar pegawai kadet meskipun perjuangan hidup sebenar baru bermula bagi mereka yang baru mengecapi alam pekerjaan.

7. Saya amat berharap anak-anak sekalian yang telah melangkah ke alam pekerjaan nanti tidak melupai UniMAP. Ingatilah bahawa status alumni PALAPES yang disematkan pada dada anak-anak sekalian dengan sendirinya menjadikan anak-anak tidak boleh dipisahkan daripada UniMAP. Gunakanlah segala peluang yang ada untuk bersama-sama membantu membangunkan dan melestarikan PALAPES UniMAP. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam pelbagai bidang akan sentiasa dan amat dialu-alukan. “Jangan ibarat seperti **Kacang Lupakan Kulit**” , jadilah seperti “**Sirih Pulang Ke Gagang**”.

8. Di sini saya ingin kongsi sedikit data kebolehpasaran pegawai muda PALAPES UniMAP. Sehingga kelmarin, berdasarkan data yang dikumpulkan, daripada **53 orang** pegawai muda yang ditauliahkan pada Julai lalu, sebanyak **13 orang iaitu (24.53%)** telah diterima bekerja oleh pelbagai syarikat multinasional, syarikat setempat dan agensi kerajaan.

9. Sementara itu sebanyak **30 orang atau (56.6%)** menyambungkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana di dalam atau di luar negara dalam bidang masing-masing serta sebanyak **10 orang atau (18.87%)** memilih untuk menceburi bidang perniagaan. Sukacita saya maklumkan bahawa data kebolehpasaran siswazah ini merupakan suatu pencapaian yang boleh dibanggakan berbanding tahun-tahun sebelum ini.
10. Ternyata bahawa Pegawai Muda UniMAP yang disemai dengan ilmu pengetahuan dan disiplin yang tinggi menjadi salah satu faktor penyebab kebolehpasaran kerja Pegawai Muda PALAPES UniMAP mudah diterima oleh industri.

Saudara Saudari Pewaris Generasi Bangsa,

11. Melahirkan Wira dan Wirawati yang berjaya dan cemerlang bukan sahaja bergantung kepada keupayaan akademik semata-mata, tetapi ia juga saling berkait rapat dengan pelbagai faktor lain.

12. Antaranya ialah pembentukan sahsiah diri yang baik, tahap disiplin dan nilai-nilai murni yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang unggul dan sikap kepimpinan yang terpuji. Inilah di antara ciri yang perlu disemai dan disemadikan dalam sanubari anak-anak semua bagi melahirkan seorang graduan yang bukan sahaja berkualiti, bahkan mampu menjadi aset yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

13. Hasrat dan keinginan saya adalah untuk melihat pelaksanaan **Strategi Laut Biru** (Blue Ocean Strategy) yang perlu diterap dan digarapkan dalam semua urusan di universiti amnya atau badan-badan beruniform khasnya. Ini bermakna, jika perkongsian ini mampu diterjemahkan dalam semua badan-badan beruniform maka sudah pasti segala sumber yang ada di universiti ini mampu untuk dimanfaatkan bersama secara optimum, sinergi serta dapat digembleng untuk memperoleh hasil yang diharapkan dan lebih bermakna.

14. Justeru itu, saya berharap dibawah kepimpinan Timbalan Komandan iaitu **Mejar Prof. Dr. Zaliman Sauli**, merangkap Pengarah Ko-Kurikulum mampu untuk menjadikan PALAPES UniMAP sebagai model atau kerangka untuk merealisasikan kejayaan pelaksanaan **Strategi Laut Biru** ini sejajar dengan hasrat UniMAP kearah **500** Universiti Terbaik Dunia menjelang **2020**.

15. Seperingatan ingin saya tujukan kepada semua Pegawai Muda yang berada dihadapan saya ini walau apa pun cabaran-cabaran yang mendatang ianya perlu terus dihadapi dengan hati yang utuh dan juga semangat juang yang kental, takkan pernah luntur walau dicabar dengan halilintar dan juga gelora ganas samudera. Berpeganglah pada kata-kata, “ **without the darkness, a star will not born. Never fear of our shadow, because shadows only means a light shining somewhere nearby.**”

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian.

16. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada pasukan-pasukan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu menjayakan Majlis kita pada malam ini. Sesungguhnya tanpa bantuan daripada tuan-tuan sekalian sudah pasti memberi kesan kepada perjalanan Majlis ini.

17. Akhir kata sebelum kita bersurai terimalah komitmen ampuh daripada saya untuk menjadikan anak-anak Pegawai Muda UniMAP sebagai pegawai yang berbakat istimewa iaitu pegawai yang baik budi dan akhlaknya; pegawai yang pintar mindanya; pegawai yang berkualiti hasil kerjanya.

Saya Mengidamkan Produk Yang Lahir Dari UniMAP

Banyak Kegunaan Dan Besar Manfaatnya:

Bagaikan Kayu Besar Yang Tumbang;

**Dibilang-Bilang Menjadi Tiang,
Ditarah-Tarah Menjadi Rumah,
Diukir-Ukir Menjadi Hiasan,
Diraut-Raut Menjadi Tempat Berpaut,
Terlepas Ke Laut Menjadi Sampan,
Tersembam Ke Bumi Menjadi Titi.**

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua atas perkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Regimental PALAPES UniMAP yang sarat dengan sejarah ini.

Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua amat besar makna dan ertinya buat patik sekalian. Mohon patik mengundurkan diri dengan lafaz:

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.